

01 AUG 2002
LID-MULA/I
DIALOG PERKONGSIAN PINTAR GLOBAL 2002 BERMULA

Oleh: Yong Soo Heong

LANGKAWI, 1 Ogos (Bernama) -- Dialog Perkongsian Pintar Global 2002 bermula hari ini dengan sesi khas perbincangan membabitkan ketua-ketua negara dan kerajaan serta rakan Perkongsian Komanwel bagi Pengurusan Teknologi (CPTM).

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga penaung dan tuan rumah Global 2002, merupakan salah seorang daripada mediator sesi itu.

Sesi itu akan berlangsung di khemah yang dibina khas di Pelangi Beach Resort di Pantai Chenang.

Khemah itu akan menjadi venue utama pelbagai sesi Global 2002, yang menggabungkan Dialog Antarabangsa Langkawi (LID), Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) dan Dialog Antarabangsa Timur Afrika. (EAID).

Antara ketua negara dan kerajaan yang akan menghadiri Global 2002 terdiri daripada Presiden Namibia Dr Sam Nujoma, Presiden Rwanda Paul Kagame, Presiden Sudan Omar Hassan Ahmad Al-Bashir, Perdana Menteri Lesotho Pakalitha Bethuel Mosisili, Perdana Menteri Mauritius Sir Anerood Jugnauth dan Presiden Zimbabwe Robert Mugabe.

Personaliti penting lain yang akan menghadiri dialog itu ialah Timbalan Presiden Afrika Selatan Jacob Zuma, Naib Presiden Uganda Dr Specioza Wandira Kazibwe, bekas presiden Botswana Sir Ketumile Masire, Menteri Kewangan dan Perancangan Pembangunan Botswana Baledzi Gaolathe.

Tema dialog tahun ini "Ke Arah Dunia Lebih Pintar:Meningkatkan Keselamatan dan Kemakmuran Bagi Pembangunan Menerusi Perkongsian Pintar".

Oleh itu, Global 2002 dijangka akan memberi keutamaan kepada isu keganasan, ekonomi global serta pelbagai jenis isu sosial, di Pelangi Beach Resort di Pantai Chenang, esok.

Kira-kira 450 perwakilan dijangka akan menghadiri dialog tidak rasmi itu, yang akan menjadi medan mengumpul maklumat untuk mengharmonikan idea bagi menggerakkan perkongsian pintar.

Para pegawai Malaysia yang akan menjadi mediator dan fasilitator pada sesi itu termasuk Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie, Ketua Eksekutif Telekom Malaysia Bhd Datuk Dr Md Khir Abdul Rahman, Pengerusi Technology Resources Industries Bhd Datuk Dr Munir Majid dan pengerusi Utusan Melayu (M) Bhd Tan Sri Kamarul Ariffin.

Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, isteri Perdana Menteri, juga akan mempengerusikan sesi mengenai isu sosial.

Malam ini, Dr Mahathir akan merasmikan LID 2002 di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri di sini.

Sepanjang tiga hari berikut, para peserta akan membincangkan isu-isu yang bertujuan menjadikan dunia sebagai tempat yang lebih selamat dan makmur.

-- BERNAMA
SHY SD LAT